

Bil. S 44

**AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN
(PENGGAJ 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2008

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Pemasukan peraturan 17A baru ke dalam Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian.
 3. Pemasukan peraturan-peraturan 42A dan 42B baru.
-

AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)

PERATURAN-PERATURAN LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 2(1) dari Akta Lesen-Lesen Rampaian, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian (Pindaan), 2008.

Pemasukan peraturan 17A baru ke dalam Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian.

2. Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda dengan memasukkan peraturan baru yang berikut sejurus selepas peraturan 17 —

"Pameran dan penyimpanan makanan dan barang-barang di tempat-tempat berlesen

Pameran dan penyimpanan makanan dan barang-barang.

17A. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengasingkan pameran dan penyimpanan makanan dan barang-barang dan dengan cara, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengerusi pihak berkuasa melesen.

(2) Suatu penentuan di bawah cerai (1) boleh secara am atau terhad kepada suatu makanan dan barang-barang tertentu, atau suatu jenis makanan dan barang-barang tertentu."

Pemasukan peraturan-peraturan 42A dan 42B baru.

3. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan peraturan-peraturan baru yang berikut sejurus selepas peraturan 42 —

"Pameran notis.

42A. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah, jika diarahkan demikian oleh Pengerusi pihak berkuasa melesen, mempamerkan notis-notis di tempat-tempat, mengungkapkannya dengan cara atau menyebabkannya dalam saiz, sebagaimana yang mungkin dianggap patut oleh Pengerusi.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar atau gagal mematuhi cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000 dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

Kuasa bagi menghendaki makanan dan barang-barang untuk diuji dll.

42B. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah —

(a) (i) memberikan secara percuma kepada Pengerusi pihak berkuasa melesen, mana-mana pegawai polis atau seseorang pegawai yang diberi kuasa contoh-contoh makanan dan barang-barang, dalam jumlah yang berpatutan, sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengerusi, pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa bagi maksud untuk diuji, dianalisa atau disiasat; dan

(ii) memindahkan dari pameran dan tidak menawarkan untuk jualan apa-apa makanan dan barang-barang, yang berkaitan dengannya contoh-contoh telah diberikan di bawah perenggan kecil (i), semasa tempoh ujian, analisa atau siasatan itu;

(b) menunjukkan kepada Pengerusi pihak berkuasa melesen, mana-mana pegawai polis atau seseorang pegawai yang diberi kuasa bagi pemeriksaan atau bagi maksud mendapatkan salinan-salinan atau cabutan-cabutan, atau untuk memberikan kepadanya salinan-salinan atau cabutan-cabutan, apa-apa buku, dokumen atau rekod yang mungkin dikehendaki dan dipercayai oleh Pengerusi, mana-mana pegawai polis atau seseorang pegawai yang diberi kuasa atas alasan yang munasabah mengandungi sebarang maklumat yang berkaitan dengan perlaksanaan atau penguatkuasaan Peraturan-Peraturan ini;

(c) memberikan kepada Pengerusi pihak berkuasa melesen, pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengerusi, pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu berkaitan dengan makanan dan barang-barang tersebut.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar atau gagal mematuhi cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000 dan dalam hal suatu

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

kesalahan yang berterusan, suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan."

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 9 haribulan April, 2008.

**PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF**
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.